

# PENGGUNAAN STRATEGI BERORIENTASIKAN SASARAN UNTUK MENTERJEMAHKAN TEKS SASTERA KANAK-KANAK: CERITA PENDEK ENID BLYTON

*(Application of Target-Oriented Strategies in the Translation of Children's Literature: Enid Blyton's Short Stories)*

Atikah Zabir   

Atikahzabir@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Atikah Zabir. (2024). Penggunaan strategi berorientasikan sasaran untuk menterjemahkan teks sastera kanak-kanak: Cerita pendek Enid Blyton. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 75–100. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no3)

Peroleh: Received:	7/3/2024	Semakan: Revised:	21/3/2024	Terima: Accepted:	18/4/2024	Terbit dalam talian: Published online:	20/6/2024
-----------------------	----------	----------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

## Abstrak

Unsur didaktik, iaitu unsur pengajaran ialah ciri utama dalam cerita kanak-kanak. Bermula daripada tradisi penyampaian cerita dalam bentuk lisan, cerita kanak-kanak digunakan untuk menyampaikan pelbagai pengajaran, terutamanya yang berkaitan dengan nilai dan moral yang seiring dengan norma masyarakat. Cerita ini disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami dan sesuai dengan tahap pengetahuan dan kebolehan kanak-kanak yang masih berkembang. Sehubungan dengan itu, apabila cerita kanak-kanak diterjemahkan daripada bahasa asing kepada bahasa sasaran, perkara ini juga perlu dipertimbangkan oleh penterjemah. Elemen asing yang tidak dikenali boleh membantutkan minat dan pemahaman kanak-kanak. Walaupun strategi terjemahan berorientasikan sumber mempunyai kekuatan dan manfaatnya yang tersendiri, beberapa sarjana dalam bidang penterjemahan dan kesusasteraan kanak-kanak berpendapat bahawa strategi terjemahan berorientasikan sasaran dapat menghasilkan terjemahan yang lebih dekat dan mudah dikenali oleh

pembaca kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini meneliti penterjemahan elemen khusus budaya (CSI) dalam siri cerita pendek Enid Blyton berdasarkan pengelasan kaedah terjemahan oleh Newmark (1988). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penterjemah cerita pendek Enid Blyton menggunakan strategi berorientasikan sasaran untuk menterjemahkan siri ini dalam bahasa Melayu. Antara prosedur terjemahan utama yang digunakan menerusi strategi ini termasuklah prosedur adaptasi dan pengguguran. Menerusi penggunaan strategi berorientasikan sumber, terjemahan yang dihasilkan menampilkan cerita yang berlatarbelakangkan suasana masyarakat setempat dan menepati norma masyarakat, khususnya bagi bangsa Melayu yang beragama Islam.

Kata kunci: Strategi terjemahan, prosedur terjemahan, sastra kanak-kanak, terjemahan bahasa Inggeris-Melayu, Enid Blyton, unsur budaya

### ***Abstract***

*Didacticism is the main characteristic of children's literature. Since the earliest tradition of oral storytelling, children's stories have been used to convey lessons, particularly concerning moral values that align with societal norms. These stories are conveyed in a manner that is comprehensible and suitable with the children's level of knowledge and developing cognitive abilities. Thus, it is important to consider such factors when children's stories are translated from a foreign to target language. Elements that are too foreign or unfamiliar may affect children's interest and understanding. Although source-oriented translation strategy has its own strengths and benefits, several scholars of translation and children's literature believe that target-oriented translation strategy can produce translations that are more familiar for children readers. Therefore, this study examines the translation of culture-specific items (CSI) in Enid Blyton's short stories based on the classification of translation methods by Newmark (1988). The findings showed that translators of Blyton's short stories employed a target-oriented strategy to translate the stories into Malay language. Among the most frequently used translation procedures are adaptation and deletion. Through a target-oriented translation strategy, the produced translations depict stories that are set in local context and conform to the norms of Malay Muslim society.*

*Keywords: Translation strategies, translation procedures, children's literature, English-Malay translation, Enid Blyton, elements of culture*

## PENDAHULUAN

Cerita kanak-kanak disampaikan secara lisan sejak turun-temurun bagi menyampaikan pengajaran kepada masyarakat, terutamanya kanak-kanak. Sama seperti kebanyakan tamadun di seluruh dunia, orang Melayu juga mempunyai sastera rakyat, seperti kisah dongeng dan legenda tempatan, yang disampaikan dalam bentuk lisan. Sastera rakyat ini sarat dengan pelbagai pengajaran yang selari dengan norma masyarakat Melayu, selain berfungsi untuk menghiburkan pendengar. Sesuai dengan namanya sebagai cerita rakyat, latar cerita Melayu tradisional, seperti Legenda Mahsuri, Bawang Putih Bawang Merah dan Musang Berjanggut menggambarkan latar watak, tempat dan suasana kehidupan orang Melayu. Hal ini membolehkan cerita ini dihayati dan difahami oleh pendengar. Apabila sastera dalam bentuk bertulis mula berkembang, kerja penterjemahan juga mula dijalankan.

Di Tanah Melayu, penerbitan sastera bertulis untuk kanak-kanak bermula dengan penterjemahan. Dalam usaha untuk menyebarkan ajaran agama Kristian, mubaligh Kristian menterjemahkan cerita daripada bahasa Inggeris. Antara judul terjemahan yang dihasilkan oleh mubaligh Kristian termasuklah *Kitab Bacaan Kanak-kanak yang Dinyatakan dengan Gambar-gambarnya* (1840) dan *Henry dengan Pengasuhnya, Abdullah* (1840). Terjemahan ini dihasilkan untuk mengajar orang Melayu, terutamanya kanak-kanak, dari aspek membaca bagi memudahkan penyebaran teks agama. Motif ini menyebabkan usaha penterjemahan mubaligh Kristian tidak mendapat sambutan. Setelah mubaligh ini meninggalkan Tanah Melayu, usaha penterjemahan bahan bacaan untuk kanak-kanak diteruskan oleh pemerintah British bagi memenuhi keperluan sistem persekolahan. Sebahagian besar daripada judul dalam *Malay Homes Series*, iaitu siri bacaan tambahan bagi bacaan wajib sekolah, terdiri daripada terjemahan karya pengarang dari barat, seperti *Gulliver's Travel*, *Adventures of Sherlock Holmes*, *Macbeth* dan *Robinson Crusoe*. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Malaysia ditubuhkan, usaha penterjemahan masih giat dijalankan, khususnya untuk memenuhi keperluan dan menangani masalah kekurangan bahan bacaan khas untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Jumlah penterjemahan mengalami penurunan apabila penulisan teks sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu semakin meningkat pada akhir era 1990-an. Namun begitu, kemunculan karya popular, seperti *Siri Harry Potter*, yang menjadi fenomena global kembali menggiatkan aktiviti

penterjemahan. Kini, aktiviti penterjemahan teks sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu semakin rancak dan aktif (Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2020).

### **Penterjemahan Teks Sastera Kanak-kanak dalam Bahasa Melayu**

Rentetan daripada tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, kerajaan mempercepat usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Menerusi usaha ini, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Hal ini meningkatkan keperluan untuk menghasilkan bahan bacaan dalam bahasa Melayu untuk kanak-kanak. Selain penghasilan bahan bacaan asli, penterjemahan turut dijalankan dengan rancaknya untuk memenuhi keperluan ini. Strategi terjemahan yang digunakan juga mencerminkan keperluan pada masa tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Zalina Mohd Lazim (2006) mendapati bahawa strategi terjemahan berorientasikan sasaran digunakan secara meluas dalam tempoh ini. Zalina Mohd Lazim (2006) juga menggunakan istilah *Malaysianisation* atau Malaysianisasi untuk merujuk proses adaptasi konteks dan penerapan budaya Malaysia yang berlaku dalam penterjemahan ke dalam bahasa Melayu. Penggunaan strategi beorientasikan sasaran ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah adaptasi pada tahap luaran yang melibatkan penggantian artifak budaya, seperti makanan, nama watak dan latar tempat dengan elemen tempatan. Kategori kedua pula merujuk perubahan yang berlaku pada peringkat yang lebih mendalam dan abstrak. Dalam kategori ini, sikap, norma serta nilai masyarakat dalam teks sumber diubah suai dalam teks terjemahan supaya bersesuaian dengan nilai dan budaya sasaran.

Genre yang paling banyak diterjemahkan antara era 1970-an hingga 1980-an ialah cerita misteri dan pengembaraan yang menampilkan watak kanak-kanak sebagai watak utama. Pembaca sasaran bagi genre ini ialah kanak-kanak peringkat persekolahan yang berumur antara lapan hingga 14 tahun (Zalina Mohd Lazim, 2006). Hal ini selaras dengan penukaran bahasa pengantar di sekolah kepada bahasa Melayu yang kemudiannya mendorong aktiviti penterjemahan. Teks yang dipilih untuk diterjemahkan terdiri daripada siri judul terkenal, seperti *Famous Five (Lima Sekawan)* dan *The Secret Seven* oleh Enid Blyton, *The Hardy Boys (Siri Hadi)* dan *The Nancy Drew Series (Siri Salma)*. Seperti yang dapat dilihat melalui terjemahan judul, seperti *Siri Hadi* dan *Siri Salma*,

nama watak fiksiyen yang terkenal dan ikonik turut digantikan dengan nama tempatan. Lebih menarik lagi, nama *Siri Hadi* dan *Siri Salma* juga terkenal di Malaysia, khususnya pada era 1980-an hingga 1990-an yang membuktikan populariti teks terjemahan ini pada masa tersebut. Dari sudut lain pula, adaptasi berlaku secara meluas dalam penterjemahan buku kanak-kanak kerana genre ini tidak mempunyai prestij atau status tinggi berbanding dengan sastera untuk pembaca dewasa (Zohar, 2006:26).

Selepas tempoh kemuncak yang berlaku antara era 1970-an hingga era 1990-an, aktiviti penterjemahan berkurang. Antara puncanya termasuklah peningkatan jumlah bahan bacaan karya asli dalam bahasa Melayu. Namun begitu, kemunculan cerita kanak-kanak yang terkenal dan menjadi fenomena di seluruh dunia, seperti *Siri Harry Potter*, mengaktifkan kegiatan penterjemahan buku kanak-kanak sekali lagi. *Siri Harry Potter* yang diterbitkan kali pertama pada tahun 1998 juga mencetuskan kebangkitan genre fantasi moden. Sebagai suatu karya dengan populariti luar biasa, *Siri Harry Potter* diterjemahkan dalam lebih 70 bahasa di seluruh dunia, termasuklah bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, satu ciri utama yang membezakan penterjemahan *Siri Harry Potter* daripada penterjemahan buku kanak-kanak pada era 1970-an hingga 1980-an ialah penggunaan strategi terjemahan berorientasikan sumber. Hal ini bertitik tolak daripada kejayaan siri ini yang membawa pelbagai impak besar. Antaranya termasuklah dalam bentuk keuntungan kewangan. Hal ini mendorong syarikat Warner Bros untuk membeli hak milik bagi seluruh francais *Siri Harry Potter* (Goldstein, 2004). Warner Bros kemudiannya melarang penggantian nama dalam siri ini dalam penterjemahan, terutamanya watak utama bagi memudahkan pemasaran francais pada peringkat global. Sehubungan dengan itu, penterjemahan *Siri Harry Potter* dibuat dengan menggunakan strategi beorientasikan sumber. Tambahan lagi, genre fantasi moden dalam siri ini yang menggambarkan kehidupan di dunia magis juga menyebabkan siri ini tidak begitu sesuai diadaptasikan dalam konteks masyarakat Melayu.

*Siri Harry Potter* bukanlah satu-satunya buku cerita kanak-kanak yang diterjemahkan menggunakan strategi berorientasikan sumber. *Siri Geronimo Stilton* juga diterjemahkan menggunakan pendekatan ini walaupun kecenderungan ini tidak sejelas *Siri Harry Potter* (Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2021). Hal ini dapat dilihat sebagai cerminan bagi keperluan dan trend semasa dalam penterjemahan. Dahulu, penterjemahan dilakukan bagi mengatasi masalah kekurangan bahan

bacaan dalam bahasa Melayu dan memupuk semangat kebangsaan melalui penggunaan bahasa Melayu. Kini, penterjemahan mengambil kira faktor populariti global sesuatu karya dan keterbukaan pembaca untuk menerima elemen asing dalam teks terjemahan. Tambahan pula, populariti karya, seperti *Siri Harry Potter*, telah mengangkat status buku kanak-kanak ke tahap yang lebih tinggi, lantas memelihara karya ini daripada dimanipulasikan dalam bentuk terjemahan bebas.

Kajian berkenaan penterjemahan buku, seperti *Siri Lima Sekawan*, *Siri Salma* dan *Siri Harry Potter*, menunjukkan bahawa perbincangan berkenaan penterjemahan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu lebih tertumpu pada bahan bacaan untuk kanak-kanak pada peringkat persekolahan. Namun begitu, perkembangan penulisan dan penterjemahan buku kanak-kanak yang peringkat umurnya lebih muda, seperti prasekolah, tidak dapat diabaikan. Kesedaran dan pemahaman tentang kepentingan pendidikan awal makin meningkat seperti yang diperkatakan oleh Bahbibli Rahmatullah et al. (2021) dan Batcheler (2023). Antara perkara penting dalam proses pembesaran kanak-kanak termasuklah pendedahan terhadap aktiviti membaca. Kajian yang dilakukan oleh Kalb dan Van Ours (2012) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dibacakan buku cerita oleh ibu bapa sejak awal usianya mengalami perkembangan kognitif dan kemahiran literasi, serta mempunyai sikap terhadap amalan membaca yang lebih baik berbanding dengan kanak-kanak yang tidak terdedah pada aktiviti membaca. Selaras dengan peningkatan kesedaran ini, perhatian yang lebih perlu diberikan terhadap bahan bacaan untuk pendidikan awal dan prasekolah, termasuklah bahan terjemahan. Antara cerita yang tidak asing bagi kanak-kanak dan kerap diterjemahkan atau diadaptasikan dalam pelbagai bahasa termasuklah cerita klasik, seperti *Cinderella*, *Sleeping Beauty* dan *Little Red Riding Hood*.

### **Strategi Terjemahan Berorientasikan Sumber dan Sasaran**

Dalam penterjemahan, Schleiermacher (2012:49) menyatakan bahawa penterjemah mempunyai dua pilihan, iaitu “*Either the translator leaves the writer in peace as much as possible and moves the reader toward him; or he leaves the reader in peace as much as possible and moves the writer toward him.*” Pilihan pertama dalam petikan ini merujuk strategi yang mengetengahkan sifat atau ciri asing sesuatu teks terjemahan, manakala pilihan kedua merujuk strategi terjemahan teks yang menjadikan sesuatu teks terjemahan kelihatan tidak asing bagi pembaca sasaran. Menurut

Toury (1995, 2012) pula, setiap teks terjemahan terhasil daripada gabungan dua ciri, iaitu kepadaan (*adequacy*) dan kebolehterimaan (*acceptability*), kerana pada asasnya, terjemahan melibatkan proses pemindahan makna daripada suatu bahasa ke dalam bahasa lain. Namun begitu, manifestasi tahap kecenderungan antara kedua-dua elemen ini berbeza-beza bergantung pada norma dalam konteks sesuatu terjemahan tersebut. Terjemahan yang lebih cenderung ke arah kepadaan menyetengahkan hubungan teks sasaran dengan teks sumber, manakala penterjemahan yang cenderung ke arah kebolehterimaan pula mengutamakan norma bahasa dan budaya sasaran. Dalam hal ini, Venuti (1995, 2008) mengemukakan konsep *foreignisation* untuk merujuk penterjemahan yang berorientasikan sumber dan konsep *domestication* untuk merujuk penterjemahan yang berorientasikan sasaran.

Dalam konteks penterjemahan teks sastera kanak-kanak, Lathey (2006) berpendapat bahawa jika kanak-kanak boleh menerima elemen luar biasa yang lazimnya wujud dalam teks fantasi, kisah dongeng dan sebagainya, kanak-kanak tersebut mampu menerima elemen asing lain yang wujud dalam teks terjemahan. Tambahan pula, teks yang diterjemahkan melalui strategi berorientasikan sumber boleh mendedahkan kanak-kanak terhadap konteks budaya asing, seterusnya mencetuskan minat untuk memahami dan menghargai kepelbagaian budaya dan masyarakat di seluruh dunia. Namun begitu, secara umumnya, sarjana dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak dan terjemahan lebih mengutamakan strategi berorientasikan sasaran. Beberapa sarjana berpendapat bahawa strategi terjemahan berorientasikan sumber boleh mengelirukan pembaca kanak-kanak dan tidak begitu bersesuaian dengan tahap pengetahuan dan kebolehannya. Elemen asing yang tidak dikenali boleh membantutkan minat kanak-kanak, seterusnya menjejaskan tahap pemahamannya.

Rudvin dan France (2014) menyatakan bahawa karya sastera kanak-kanak sering diterjemahkan dengan menggunakan pendekatan bersifat sasaran, seperti terjemahan bebas, adaptasi dan manipulasi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembaca kanak-kanak dilihat sebagai pembaca yang memerlukan unsur budaya tempatan yang dikenalnya untuk membolehkannya menerima sesebuah karya sastera dengan baiknya (Jaleniauskiene & Čičelytė, 2009:34). Dengan merujuk status bidang penterjemahan karya sastera kanak-kanak yang pada masa ini tidak mempunyai kedudukan utama dalam sesebuah polisistem, Zohar (2006:26) menyatakan bahawa kedudukan ini memberikan kuasa kepada

penterjemah karya sastera kanak-kanak untuk memanipulasikan teks dalam pelbagai cara seperti yang berikut:

“Penterjemah (teks kanak-kanak) dibenarkan untuk memanipulasikan teks melalui pelbagai cara, seperti mengubah, memanjangkan atau memendekkan teks, atau membuat pengguguran atau penambahan terhadap teks tersebut. Walau bagaimanapun, prosedur yang dinyatakan ini hanya boleh digunakan dengan syarat penterjemah mematuhi dua prinsip penterjemahan untuk kanak-kanak, iaitu; teks diubah suai untuk menjadikannya sesuai dan bermanfaat untuk kanak-kanak; dan pengubahsuaian plot, perwatakan dan bahasa dibuat selaras dengan tanggapan masyarakat tentang keupayaan kanak-kanak untuk membaca dan memahami teks tersebut.”

*“That is, the translator is permitted to manipulate the text in various ways by changing, enlarging, or abridging it or by deleting or adding to it. Nevertheless, all these translational procedures are permitted only if conditioned by the translator’s adherence to the following two principles on which translation for children is based: an adjustment of the text to make it appropriate and useful to the child, in accordance with what society regards (at a certain point in time) as educationally ‘good for the child’; and an adjustment of plot, characterization, and language to prevailing society’s perceptions of the child’s ability to read and comprehend.”*

Pendapat Zohar ini turut dikongsi oleh beberapa sarjana lain. Antaranya termasuklah Reiss dan Purainen seperti yang dinyatakan dalam Thomson-Wohlgemuth (1998) dan O’Sullivan (2005). O’Sullivan (2005) menggalakkan penggunaan pendekatan terjemahan bebas dan *localisation* dalam penterjemahan karya sastera kanak-kanak. Menurut Puurainen seperti yang dinyatakan dalam Thomson-Wohlgemuth (1998), kanak-kanak mungkin tidak boleh menerima terlalu banyak elemen yang aneh dan asing seperti orang dewasa.

## **KAJIAN LEPAS**

Walaupun penterjemahan berperanan penting dalam industri buku kanak-kanak, penyelidikan yang menumpukan terjemahan sastera kanak-kanak, khususnya yang berkaitan dengan penterjemahan dalam bahasa Melayu, masih terhad. Menurut Shahaneem Hanoum Dadameah yang merupakan pengerusi Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Md. Sidin Ahmad Ishak (2005), masih



banyak yang tidak diketahui secara tepat tentang sastera kanak-kanak di Malaysia. Hampir dua puluh tahun telah berlalu sejak pemerhatian ini dilakukan, tetapi situasi ini berlanjutan sehingga kini. Chew Fong Peng dan Zahari (2010) menyentuh aspek kekurangan penyelidikan berkenaan sastera kanak-kanak di Malaysia, terutamanya kajian yang bersifat saintifik. Hal ini seterusnya menyebabkan kesukaran dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penerbitan buku kanak-kanak di negara ini (Adlina Ismail & Normah Yusof, 2018). Menurut Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2010) lagi, peningkatan kuantiti penerbitan buku kanak-kanak di Malaysia tidak seiring dengan tahap kualiti penerbitan yang didapati kurang memuaskan.

Antara sarjana tempatan yang melakukan penyelidikan tentang penterjemahan teks sastera kanak-kanak termasuklah Atikah Zabir dan Haslina Haroon (2020), Hadijah Rahmat (2006), Md. Sidin Ahmad Ishak (2005), Sakinah Sahuri Suffian Sahuri dan Fauziah Taib (2016), Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail (2007) dan Zalina Mohd Lazim (2006). Md. Sidin Ahmad Ishak (2005) meneliti penerbitan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu secara umum, termasuklah buku terjemahan, bermula dari abad ke-19 hingga tahun 2003. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail (2007) juga meneliti trend penerbitan terjemahan buku kanak-kanak di Malaysia antara tahun 1958 hingga tahun 2003 sebelum menumpukan konteks sosiobudaya dan strategi dalam penterjemahan buku Enid Blyton dalam bahasa Melayu pada era 1970-an. Sakinah Sahuri Suffian Sahuri dan Fauziah Taib (2016) pula meneliti peranan aktiviti penterjemahan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Atikah Zabir dan Haslina Haroon (2020) meneliti trend penterjemahan teks sastera kanak-kanak di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun, iaitu antara tahun 2008 hingga tahun 2017. Pengkaji tersebut mendapati bahawa penterjemahan buku kanak-kanak masih berperanan penting untuk menghidupkan industri buku kanak-kanak di Malaysia, khususnya melalui peningkatan aktiviti penterjemahan buku berorientasikan keislaman dan komik yang bertujuan pendidikan.

Sejarah penterjemahan sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu menunjukkan aktiviti penterjemahan sentiasa dipengaruhi oleh konteks dan masyarakat. Buku kanak-kanak mencerminkan minda generasi yang menghasilkannya dan menjadi panduan terhadap sejarah dan perkembangan sesebuah negara (Shahaneem Hanoum seperti yang dinyatakan dalam Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail (2007) dan Zalina Mohd Lazim (2006) pula menghuraikan

kecenderungan penterjemah untuk menggunakan strategi berorientasikan sasaran bagi memenuhi keperluan penyatuan kaum melalui bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang berlatarkan suasana muhibah. Hasil kajian yang dilakukan oleh Atikah Zabir dan Haslina Haroon (2018) pula menunjukkan bahawa strategi berorientasikan sumber digunakan untuk menterjemahkan novel Harry Potter disebabkan oleh kekangan yang ditetapkan oleh pemilik hak cipta berasaskan nilai komersial dan populariti novel ini. Walaupun kajian ini menyumbangkan maklumat berkenaan penterjemahan sastera kanak-kanak di Malaysia, masih banyak aspek yang perlu dikaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh dan terkini tentang situasi penterjemahan sastera kanak-kanak di negara ini.

## **METODOLOGI**

Dalam konteks penterjemahan, unsur budaya merujuk elemen dalam teks yang mempunyai hubungan secara khusus dengan sesuatu konsep dalam budaya teks sumber yang mungkin bersifat asing bagi pembaca teks sasaran (Aixela, 1996:14). Dalam kajian ini, item budaya dikenal pasti dan diklasifikasikan mengikut pengkelasan elemen budaya oleh Aixela (1996). Aixela (1996:59) mengklasifikasikan elemen budaya dalam dua kategori utama. Kategori pertama ialah kata nama khas, seperti nama orang, tempat dan perayaan. Kategori kedua pula ialah ungkapan umum yang merujuk perkara tertentu, seperti objek, institusi dan makanan yang tidak boleh diklasifikasikan sebagai kata nama khas. Antara contoh unsur budaya dalam bentuk ungkapan umum termasuklah nama makanan, seperti rendang, laksa dan serunding; pakaian, seperti baju kurung, baju kurung, cheongsam dan sari; dan unit ukuran, seperti kati, relung dan bidang.

Selepas item budaya dalam teks sumber dan padanannya dalam teks sasaran dikenal pasti dan diklasifikasikan, analisis terjemahan dilakukan berdasarkan kerangka kaedah terjemahan berorientasikan sumber dan sasaran yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Newmark menyenaraikan empat prosedur terjemahan di bawah strategi terjemahan berorientasikan sumber, iaitu terjemahan kata demi kata, terjemahan literal, terjemahan setia dan terjemahan semantik. Sementara itu, empat prosedur terjemahan di bawah strategi terjemahan berorientasikan sasaran terdiri daripada adaptasi, terjemahan bebas, terjemahan idiomatik dan terjemahan komunikatif.

Kajian ini menumpukan analisis prosedur terjemahan di bawah strategi berorientasikan sasaran. Kerangka kaedah terjemahan ini dikemukakan oleh Newmark (1988:45) dalam bentuk diagram V seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.

Berorientasikan Sumber	Berorientasikan Sasaran
Terjemahan kata demi kata	Adaptasi
Terjemahan literal	Terjemahan bebas
Terjemahan setia	Terjemahan idiomatik
Terjemahan semantik	Terjemahan komunikatif

**Rajah 1** Kaedah terjemahan Newmark (1988:45).

### Teks Sumber dan Teks Sasaran

Teks sumber yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada buku koleksi cerita pendek dalam *Enid Blyton's Popular Rewards Series*, manakala teks sasaran pula merupakan terjemahan siri tersebut dalam bahasa Melayu, iaitu *Siri Cenderahati Istimewa Edukid. Enid Blyton's Popular Rewards Series* mengandungi himpunan cerita pendek oleh Enid Blyton yang terdiri daripada kisah teladan, kisah binatang, fiksyen realistik dan cerita agama. Siri ini mula diterbitkan pada era 1980-an, kemudian dicetak semula dalam beberapa edisi baharu. Koleksi cerita pendek ini disasarkan kepada pembaca kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah hingga sekolah rendah. Setiap buku himpunan cerita pendek ini mengandungi antara 15 hingga 18 judul cerita. Namun begitu, tidak semua cerita ini diterjemahkan dalam versi bahasa Melayu. Oleh itu, ada buku terjemahan yang mengandungi bilangan cerita yang kurang berbanding dengan teks sumber. Teks sumber yang digunakan dalam kajian ini diterbitkan oleh Bounty Books, manakala teks terjemahan diterbitkan oleh Edukid Publications pada tahun 2014. Namun begitu, berdasarkan butiran yang terdapat dalam buku terjemahan dalam bahasa Melayu, terjemahan ini diterbitkan dengan keizinan Chorion Right Limited. Penterjemah bagi siri ini ialah Suhaila Lukman dan Rose Azman Yusuf. Jadual 1 menunjukkan senarai teks sumber dan teks terjemahan yang digunakan dalam kajian ini.

**Jadual 1** Senarai teks sumber dan teks sasaran.

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Teks Sumber</b>	<b>Tajuk Teks Sasaran</b>
1.	<i>Twelve Silver Cups and Other Stories (1985)</i>	<i>Arnab yang Baik Hati dan Cerita-cerita Lain (2012)</i>
2.	<i>Snicker the Brownie and Other Stories (1985)</i>	<i>Si Penipu dan Naga dan Cerita-cerita Lain (2012)</i>
3.	<i>The Greedy Rabbit and Other Stories (1985)</i>	<i>Si Pendek yang Lucu dan Cerita-cerita Lain (2011)</i>
4.	<i>The Magic Brush and Other Stories (1985)</i>	<i>Alisa dan Bayang-bayangnnya dan Cerita-cerita Lain (2011)</i>
5.	<i>The Teddy Bear's Tail dan Other Stories (1985)</i>	<i>Arnab yang Biadab dan Cerita-cerita Lain (2012)</i>

## ANALISIS DAN DAPATAN

Bahagian ini menghuraikan analisis penterjemahan item budaya dalam teks cerita pendek Enid Blyton dalam bahasa Melayu.

### Prosedur Adaptasi

Prosedur adaptasi satu daripada prosedur di bawah strategi terjemahan tidak langsung yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet (1958, 1995). Newmark turut mengklasifikasikan prosedur adaptasi sebagai suatu kaedah terjemahan yang berorientasikan bahasa sasaran. Prosedur adaptasi merujuk teknik terjemahan yang melibatkan penggantian elemen dalam teks sumber yang tidak wujud atau tidak dikenali dalam konteks bahasa sasaran dengan elemen baharu yang dianggap sepadan atau setara.

Vinay dan Darbelnet (1958, 1995) menyatakan bahawa prosedur ini merupakan teknik terjemahan yang paling ekstrem berbanding dengan prosedur lain. Hal ini dikatakan demikian kerana adaptasi menyebabkan berlakunya perubahan maklumat dalam teks sasaran. Contohnya, dalam penterjemahan cerita pendek Enid Blyton, prosedur adaptasi digunakan untuk menggantikan latar tempat dan budaya sumber dengan latar dan budaya sasaran. Antara elemen yang paling kerap ditukar dalam proses adaptasi termasuklah nama watak. Dalam buku *Arnab yang Baik Hati*, iaitu terjemahan bagi buku *Twelve Silver Cups*, hanya satu daripada 18 judul cerita pendek dalam koleksi ini yang tidak mengalami proses

adaptasi melalui perubahan nama watak. Kebanyakan nama barat dalam buku *Twelve Silver Cups* digantikan dengan nama Melayu, manakala nama selebihnya digantikan dengan nama watak yang neutral, iaitu tidak menggambarkan maklumat keturunan atau bangsa yang jelas. Contoh (1) hingga (3) dalam Jadual 2 menunjukkan contoh adaptasi nama watak yang dipetik daripada terjemahan buku *Twelve Silver Cups* dalam bahasa Melayu, iaitu *Arnab yang Baik Hati*.

**Jadual 2** Adaptasi nama watak.

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 1(a): <i>She Couldn't Tell the Time!</i></p> <p><i>"What's that?" said Tom. "Sounds like a bell of some sort," said Lucy. "It's coming from Emily's pram!" said Harry in amazement.</i></p>	<p>Contoh 1(b): Dia Tidak Pandai Melihat Jam!</p> <p>"Bunyi apa tu?" tanya Hassan. "Bunyinya seperti bunyi loceng," kata Lisa. "Bunyi itu datang dari kereta tolak anak patung Emilia!" kata Ali pula.</p>
<p>Contoh 2(a): <i>He Lost His Tail!</i></p> <p><i>But, dear me, when Jane and Ronald came back to their nursery, how they stared to see Dobbin's tail!</i></p>	<p>Contoh 2(b): Ekornya Telah Hilang!</p> <p>Keesokan harinya, apabila Abu dan Dora hendak menaiki Dobbi, mereka terperanjat melihat ekornya.</p>
<p>Contoh 3(a): The Bonfire Folk</p> <p><i>Peter and Jane were running home from school one day when they passed the cobbler's shop. Mr. Knock the cobbler was sitting cross-legged in his window, mending somebody's shoes.</i></p>	<p>Contoh 3(b): Orang Unggun Api</p> <p>Ketika Elyas dan Nora sedang berlari pulang ke rumah dari sekolah, mereka ternampak Encik Mahmood.</p>

Contoh (1) hingga (3) dalam Jadual 2 menunjukkan proses adaptasi yang menghasilkan konteks atau latar masyarakat yang berbeza melalui penukaran nama watak. Seperti yang dinyatakan terdahulu pada awal bahagian ini, kebanyakan nama watak barat ditukarkan kepada nama Melayu. Namun begitu, ada juga nama dalam teks sumber yang digantikan dengan nama yang tidak menunjukkan maklumat bangsa atau identiti watak yang jelas, seperti nama Lisa, Dora dan Dobbi.

Nama watak yang menggambarkan latar masyarakat di Britain, seperti **Peter, Jane, Lucy** dan **Ronald** dikelaskan sebagai nama konvensi kerana nama ini tidak mengandungi makna khusus, sebaliknya hanya penanda identiti masyarakat (Hermans, 1988). Satu lagi kategori kata nama khas yang dikemukakan oleh Hermans ialah nama bermakna. Kategori ini sangat relevan dalam konteks sastera kanak-kanak kerana cerita kanak-kanak lazimnya mempunyai nama yang mempunyai makna khusus untuk penceritaan. Hal ini dapat dilihat dalam bentuk mainan kata atau pembentukan kata kreatif (Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2021). Sehubungan dengan itu, nama yang tergolong dalam kategori kedua ini patut diterjemahkan kerana terdapat maksud atau mesej di balik nama tersebut (Fernandes, 2006:49). Namun begitu, analisis terhadap terjemahan cerita pendek Enid Blyton dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat nama bermakna yang diadaptasi tanpa pemindahan makna yang terkandung dalam teks sumber, lalu menyebabkan kehilangan makna dan bentuk kreatif dalam terjemahan seperti yang dipaparkan dalam contoh (4) hingga (6) dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Adaptasi nama bermakna.

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 4(a): <i>Sally Simple's Matches</i></p> <p><i>"Please go home," said Mr. Tweaky. "I don't want puddles of tears all over my carpet. I'm very upset with you, Sally Simple."</i></p>	<p>Contoh 4(b): Dia Tidak Pandai Melihat Jam!</p> <p>"Baik kamu balik sekarang <b>Sarah</b>. Saya tidak suka orang yang suka menipu," kata Encik Mustafa.</p>
<p>Contoh 5(a): <i>Mr. Chunky's Chopper</i></p> <p><i>Pincher Pixie was a bad little fellow. He was always taking things that didn't belong to him.</i></p>	<p>Contoh 5(b): Pemetong Chucky</p> <p><b>Momo</b> ialah pari-pari yang sangat nakal. Ia sering mengambil dan meminjam barang orang lain.</p>
<p>Contoh 6(a): <i>The Disappearing Hats</i></p> <p><i>At last Fee, Fi and Fo, whose hats had disappeared for the second time, went to visit the wise woman, Dame Thinkitout.</i></p>	<p>Contoh 6(b): Topi-topi yang Menghilangkan Diri</p> <p>Akhirnya Do, Re dan Mi pergi berjumpa dengan seorang wanita yang bijak di kampung mereka, yang bernama <b>Puan Cendia</b> akibat kehilangan topi mereka buat kali kedua.</p>

Dalam contoh (4), kata *Simple* pada nama **Sally Simple** menggambarkan watak Sally yang pelupa. Apabila nama ini diadaptasikan menjadi **Sarah**, makna yang terkandung dalam teks sumber tidak dapat disampaikan. Selain itu, unsur aliterasi huruf 's' yang terdapat pada nama asal juga tidak dihasilkan semula. Seterusnya, kata *Pincher* pada nama **Pincher Pixie** dalam contoh (5) digunakan untuk menunjukkan sifatnya sebagai makhluk yang suka mencuri. Kata *pinch* bermaksud mencuri, dan lazimnya digunakan dalam konteks bukan formal untuk merujuk perbuatan mencuri secara kecil-kecilan. Seperti yang dapat dilihat dalam contoh (5), nama **Pincher Pixie** digantikan dengan nama **Momo** yang tidak memberikan sebarang petunjuk tentang perwatakan atau identitinya. Contoh (6) pula menunjukkan adaptasi nama **Dame Thinkitout** yang merujuk perwatakannya yang bijaksana dengan nama **Puan Cendia**. Nama ini dicipta daripada kata cendekiawan dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, proses adaptasi ini menghasilkan satu bentuk mainan kata yang baharu dan pada masa yang sama, menyampaikan makna yang terkandung dalam teks sasaran.

Selain nama watak, nama perayaan yang juga termasuk dalam kategori pertama elemen budaya yang dikemukakan oleh Aixela (1996), turut diadaptasikan dalam terjemahan cerita pendek Enid Blyton dalam bahasa Melayu. Contoh (7) hingga (9) dalam Jadual 4 menunjukkan adaptasi nama perayaan dan unsur keagamaan.

Contoh (7) menunjukkan bahawa **Christmas Day**, iaitu perayaan hari Krismas dalam teks sumber digantikan dengan sambutan hari raya dalam teks terjemahan. Perubahan ini selari dengan konteks seluruh cerita kerana nama watak dalam teks sumber, iaitu Elsie dan William juga digantikan dengan nama Melayu, iaitu Farah dan Aiman.

Contoh (8) dipetik daripada cerita pertama dalam buku *Snickers The Brownie* dan terjemahannya, *Si Penipu dan Naga*, yang bertajuk *Peter's Noah's Ark*. Cerita asal dalam teks sumber mengisahkan sebuah kapal mainan yang merupakan replika **Noah's Ark** dalam kepercayaan agama Kristian atau bahtera Nabi Nuh dalam kepercayaan agama Islam. Namun begitu, kepercayaan dalam agama Islam menetapkan bahawa bahtera Nabi Nuh tidak boleh dijadikan sebagai replika untuk mainan kanak-kanak seperti yang berlaku dalam teks sumber. Sehubungan dengan itu, penterjemah telah menggantikan nama **Noah's Ark** dengan nama **Kapal Kapten Sam**, iaitu nama yang tidak mempunyai sebarang konotasi yang berkaitan dengan agama. Penggantian ini tidak menjejaskan plot utama penceritaan yang menumpukan aspek binaan kapal tersebut yang

dihasilkan daripada kayu dan dianggap tidak sehebat kapal mainan moden yang lebih canggih.

Contoh (9) pula dipetik daripada cerita bertajuk *Santa Claus Get a Shock* dan terjemahannya, *Kejutan untuk Mamak Jual Roti*. Dalam contoh ini, nama **Santa Claus** ditukarkan menjadi **Mamak Jual Roti**, dan **Christmas Eve** digantikan menjadi **malam sebelum Hari Raya Aidiladha**. Penukaran ini hanya sebahagian kecil daripada perubahan yang berlaku kerana terjemahan cerita bertajuk *Santa Claus Gets A Shock* ini lebih bersifat terjemahan bebas. Hal ini dikatakan demikian kerana penterjemah telah mengolah semula seluruh butiran dalam cerita walaupun plot utama berkenaan dua watak kanak-kanak yang membantu seorang lelaki tua yang jatuh di kawasan rumahnya masih dikekalkan.

**Jadual 4** Adaptasi nama perayaan dan unsur keagamaan.

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 7(a): <i>The Cracker Fairies!</i></p> <p><i>Elsie and William were so unhappy that they cried streams of tears down their cheeks – and indeed, it wasn't surprising, because they both had bad colds on <b>Christmas Day</b>, and both had to stay in bed!</i></p>	<p>Contoh 7(b): Pari-pari Mercun</p> <p>Farah dan Aiman tidak mampu menahan diri mereka daripada menangis. Mereka berdua sering memikirkan nasib mereka yang malang. Pada <b>hari raya</b>, Farah dan Aiman telah jatuh sakit.</p>
<p>Contoh 8(a): <i>Peter's Noah's Ark</i></p> <p><i>So they walked out of the doll's-house and went to see the <b>Noah's Ark</b>.</i></p>	<p>Contoh 8(b): Kapal Kayu Kapten Sam</p> <p>Mereka pun berjalan menuju ke tempat <b>Kapal Kapten Sam</b> disimpan.</p>
<p>Contoh 9(a): <i>Santa Claus Gets a Shock</i></p> <p><i>It was <b>Christmas Eve</b>.</i></p>	<p>Contoh 9(b): Kejutan untuk <b>Mamak Jual Roti</b></p> <p>Kisah terjadi pada <b>malam sebelum Hari Raya Aidiladha</b>.</p>

Selain adaptasi kata nama khas, ungkapan umum yang turut berperanan penting untuk mencirikan latar tempat, masyarakat dan budaya dalam penceritaan turut diadaptasikan. Adaptasi ungkapan umum ini ditunjukkan dalam Jadual 5 hingga Jadual 9. Adaptasi ungkapan umum yang berkaitan dengan cuaca ditunjukkan dalam Jadual 5.



**Jadual 5** Adaptasi ungkapan umum (cuaca).

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 10(a): <i>The Ladder That was Lent</i></p>	<p>Contoh 10(b): Tangga yang Dipinjam</p>
<p><i>It was very cold weather. The snow came down and lay on the ground. The puddles froze up. The big village pond was frozen all over, and the children longed to slide on it.</i></p>	<p><b>Musim hujan</b> telah tiba. Hari-hari <b>hujan turun</b>. Cuaca bertambah sejuk. Anak lelaki Encik Yusuf, iaitu Amir, hendak bermain dan berenang di kolam. Tetapi, Encik Yusuf tidak membenarkan.</p>
<p><i>“No Johnny,” he said. “The ice isn’t thick enough yet. You will fall in if you go sliding, because the ice will break.”</i></p>	<p>“Tidak boleh Amir. Kamu tidak boleh bermain dan berenang di dalam kolam. <b>Kolam itu airnya semakin banyak</b>. Ayah takut kamu akan lemas nanti,” kata Encik Yusuf.</p>

Contoh (10) dalam Jadual 5 menunjukkan adaptasi ungkapan umum yang melibatkan cuaca. Dalam contoh tersebut, berlaku penggantian kata **cold weather** dengan kata **musim hujan**. Klausa **The snow came down** dan **The ice isn’t thick enough** pula digantikan dengan ungkapan **hujan turun** dan **kolam itu airnya semakin banyak**. Seterusnya, adaptasi ungkapan umum yang berkaitan dengan binatang ditunjukkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Adaptasi ungkapan umum (binatang).

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 11(a): <i>The Purple Pig</i></p>	<p>Contoh 11(b): Beruang Berwarna Ungu</p>
<p><i>“Look at that purple pig on the mantelpiece,” said William, and he pointed to a big china pig there.</i></p>	<p>“Lihat, ada <b>patung beruang berwarna ungu</b> di atas <b>almari</b> itu,” kata Iman, sambil jarinya menunjuk ke arah patung beruang tersebut.</p>

Contoh (11) menunjukkan adaptasi ungkapan umum (binatang) yang dipetik daripada cerita *The Purple Pig* dan terjemahannya, *Beruang Berwarna Ungu*. Contoh ini menunjukkan penggantian kata **pig** atau khinzir, dengan binatang lain, iaitu **beruang**. Dalam teks sumber, cerita *The Purple Pig* tertumpu pada sebuah tabung wang syiling yang

lazimnya disebut dalam bahasa sumber sebagai *the piggy bank*. Walau bagaimanapun, khinzir merupakan suatu bentuk tabu dalam bahasa dan budaya orang Melayu yang beragama Islam. Sehubungan dengan itu, penggantian kata **pig** dengan beruang merupakan langkah untuk menghasilkan terjemahan yang selari dengan norma masyarakat sasaran. Dalam contoh yang sama, dapat dilihat juga bahawa kata *mantelpiece* yang merupakan binaan untuk perapian atau unggun api yang biasa dilihat di negara barat bagi tujuan pemanasan rumah telah digantikan dengan kata **almari**. Berikutnya, adaptasi ungkapan umum yang berkaitan dengan makanan, mitologi dan perlakuan sosial ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7** Adaptasi ungkapan umum (makanan, mitologi dan perlakuan sosial).

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 12(a): <i>Snicker the <b>Brownie</b></i></p> <p><i>Another time Snicker put some <b>treacle</b> inside Mr Doodle's hat, and dear me, the time Mr Doodle had, trying to get his hat off his head when he met Mrs Trips out of shopping.</i></p>	<p>Contoh 12(b): Abu Si <b>Budak Nakal</b></p> <p>Abu juga pernah meletakkan <b>gam</b> di dalam topi Pak Taha. Perkara memalukan telah berlaku ketika Pak Taha ingin membuka topinya semasa dia berjumpa dengan Puan Ros di pasar.</p>

Contoh (12) menunjukkan adaptasi ungkapan umum tentang makanan yang diambil daripada cerita *Snicker the Brownie* dan terjemahannya, *Abu Si Budak Nakal*. Dalam contoh ini, **treacle**, iaitu sejenis sirap pekat yang biasa digunakan dalam masakan di England, iaitu latar teks sumber, digantikan dengan kata **gam**. Penterjemah menggantikan sejenis makanan yang bersifat asing dalam konteks sasaran dengan padanan lain. Walaupun padanan baharu ini bukan sejenis makanan, penggantian ini berkesan kerana masih mengekalkan impak atau jalan cerita yang sama seperti teks sumber kerana gam menyebabkan topi tersebut melekat pada kepala, sama seperti sirap yang pekat. Selain itu, contoh (12) juga menunjukkan nama sejenis makhluk halus yang menjadi sebahagian daripada budaya dan kesusasteraan rakyat di barat, iaitu **brownie** yang juga digantikan menjadi **budak** dalam teks sasaran. Contoh seperti ini menunjukkan bahawa proses adaptasi tidak sentiasa melibatkan penggantian dengan konsep yang sama atau setara dalam konteks sasaran. Penterjemah lebih menekankan penyampaian jalan cerita dalam bentuk yang mudah difahami oleh pembaca sasaran. Namun begitu, tidak dapat

dinafikan bahawa contoh (12) juga tetap mengandungi pengaruh asing daripada teks sumber yang dipindahkan dalam teks terjemahan. Pengaruh asing tersebut ialah perbuatan membuka topi apabila berjumpa dengan orang yang dikenali sebagai satu tanda hormat dalam konteks budaya sumber. Sehubungan dengan itu, elemen ini mungkin akan menimbulkan persoalan atau kekeliruan dalam kalangan pembaca kanak-kanak di Malaysia. Adaptasi ungkapan umum yang berkaitan dengan mitologi pula ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Adaptasi ungkapan umum (mitologi).

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 13(a): <i>The Shepherd Boy and the Goblin</i></p> <p>“So, that’s where the <b>goblins</b> go to get their treasure!” thought Dick.</p>	<p>Contoh 13(a): Budak Gembala dan Jembalang</p> <p>“Jadi di situlah <b>jembalang-jembalang</b> itu pergi untuk mendapatkan harta karun!” fikir Dick.</p>
<p>Contoh 14(a): <i>The Blackberry Gnome</i></p> <p>“... Whatever will that <b>gnome</b> say when he finds his lovely blackberries gone?”</p>	<p>Contoh 14(b): <b>Bunian</b> Beri Hitam</p> <p>“Apa akan berlaku jika <b>Bunian</b> Beri Hitam tahu yang buah beri kesayangannya telah hilang?” kata Alif.</p>

Contoh (13) dan (14) memperlihatkan adaptasi ungkapan umum tentang mitologi. Adaptasi ini berlaku melalui penggantian kata sumber dengan padanan yang dianggap sebagai konsep setara dalam bahasa sasaran. Dalam contoh (13), **goblins** ialah sejenis makhluk halus dalam mitologi barat yang sering dikaitkan dengan sifat tamak. Nama makhluk ini telah digantikan dalam terjemahan dengan nama **jembalang-jembalang**, iaitu sejenis hantu tanah berdasarkan cerita rakyat atau mitos Melayu. Walaupun jembalang tidak mempunyai konotasi dengan sifat tamak seperti goblin, padanan ini dianggap sebagai penggantian atau adaptasi konsep setara kerana kedua-duanya merupakan makhluk halus berdasarkan mitos dan cerita rakyat. Makhluk bernama **gnome** dalam contoh (14) juga merupakan sejenis makhluk daripada mitos barat dan makhluk ini diadaptasikan menjadi makhluk **bunian** yang merupakan sejenis makhluk halus dalam cerita rakyat dari rantau Asia Tenggara, khususnya Malaysia, Indonesia dan Brunei. Seterusnya,

adaptasi ungkapan umum yang berkaitan dengan tumbuhan ditunjukkan dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Adaptasi ungkapan umum (tumbuhan).

Teks Sumber	Teks Sasaran
Contoh 15(a): <i>The Lost Hum</i>	Contoh 15(b): Irama Gasing yang Hilang
<i>So that night the monkey and the sailor doll climbed down the <b>apple-tree</b> that grew outside the nursery window...</i>	Jadi pada malam itu, monyet mainan dan patung kelasi itu turun melalui <b>pokok jambu</b> yang tumbuh di luar tingkap bilik mainan itu.
<i>They climbed up the <b>pear-tree</b>, where the tit slept in a cosy hole, and rapped on the bark.</i>	Mereka terpaksa memanjat <b>pokok mangga</b> , tempat burung pipit membuat sarangnya.

Satu lagi bentuk ungkapan umum yang turut diadaptasikan dalam terjemahan cerita pendek Enid Blyton dalam bahasa Melayu adalah berkenaan dengan tumbuhan seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 9. Dalam contoh (15) yang dipetik daripada cerita *The Lost Hum* dan terjemahannya, *Irama Gasing yang Hilang*, kata **apple-tree** dan **pear-tree**, iaitu pohon buah epal dan pir yang juga dikenali sebagai buah lai dalam bahasa Melayu, digantikan dengan pohon buah tempatan, iaitu **pokok jambu** dan **pokok mangga**.

### Pengguguran

Dalam kerangka kaedah terjemahan Newmark (1988), prosedur pengguguran tidak dimasukkan, sama ada di bawah strategi berorientasikan sumber atau strategi berorientasikan sasaran. Namun begitu, berdasarkan analisis terjemahan teks cerita pendek kanak-kanak dalam kajian ini, prosedur pengguguran juga didapati merupakan satu kaedah terjemahan yang berorientasikan sasaran. Hal ini dikatakan demikian kerana perbandingan antara teks sumber dengan teks terjemahan menunjukkan bahawa prosedur pengguguran digunakan untuk menghasilkan teks yang tidak mengandungi nilai kepercayaan dan norma yang bercanggah dengan pegangan pembaca sasaran, khususnya pembaca kanak-kanak berbangsa Melayu. Secara lebih khusus lagi,

penterjemah didapati telah menggugurkan cerita berunsur keagamaan yang menerapkan latar agama Kristian sebagai plot utama penceritaan. Selain cerita keagamaan, terdapat juga cerita yang digugurkan kerana plot penceritaan disandarkan pada elemen mainan kata yang tidak dapat dihasilkan semula dalam terjemahan.

Dalam buku bertajuk *The Teddy Bear's Tail*, misalnya, terdapat 15 cerita pendek. Walau bagaimanapun, dalam terjemahannya yang bertajuk *Si Arnab yang Biadab*, hanya 13 cerita diterjemahkan. Pengguguran cerita ini ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Pengguguran cerita.

Senarai Cerita dalam Teks Sumber ( <i>The Teddy Bear's Tail</i> )	Senarai Cerita dalam Teks Sasaran ( <i>Si Arnab yang Biadab</i> )
1. <i>The Rude Little Rabbit</i>	Si Arnab yang Biadab
2. <i>Fred's Forgettery</i>	Fendi Si Pelupa
3. <i>The Cat Without a Tail</i>	Kucing yang Kehilangan Ekornya
4. <i>Eggs and Marbles</i>	Telur dan Guli
5. <b><u>Sally's Stitch</u></b>	
6. <i>What an Alarm</i>	Jam Loceng yang Berbunyi
7. <i>Linda's Little House</i>	Rumah Kecil Si Linda
8. <i>The Old Black Horse</i>	Kisah Kuda Hitam yang Tua
9. <i>The Teddy Bear's Tail</i>	Ekor Anak Beruang
10. <i>The Cheeky Boy</i>	Kisah Budak yang Nakal
11. <i>Pink Paint for a Pixie</i>	Cat Merah Jambu untuk Si Pari-pari
12. <i>Peter's Birthday</i>	Hari Jadi Faris
13. <b><u>The Man Who Wasn't Father</u></b> <b><u>Christmas</u></b>	
14. <i>The Blackberry Gnome</i>	Bunian Beri Hitam
15. <i>Paddy-Paws and the Stars</i>	Si Putih dan Bintang

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10, terdapat dua cerita pendek yang digugurkan dalam terjemahan buku *The Teddy Bear's Tail*. Dalam teks terjemahannya, iaitu *Si Arnab yang Biadab*, hanya terdapat 13 cerita pendek berbanding dengan 15 cerita dalam teks sumber. Judul cerita pertama yang digugurkan ialah *Sally's Stitch* kerana perjalanan cerita ini disandarkan pada homonim atau kepelbagaian makna bagi satu kata dalam bahasa sumber, iaitu *stitch*. Ketiadaan konsep yang setara dalam bahasa sumber menyebabkan cerita ini digugurkan dalam terjemahan.

Sementara itu, cerita kedua yang digugurkan dalam terjemahan ialah *The Man Who Wasn't Father Christmas*, iaitu sebuah cerita tentang perayaan agama Kristian. Selain pengguguran cerita, berlaku juga pengguguran pada skala yang lebih kecil seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Pengguguran ungkapan umum.

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>Contoh 16(a): <i>The Lost Hum</i></p> <p><i>They soon found the <b>oak</b> tree that the squirrel liked, and once more up they climbed.</i></p>	<p>Contoh 16(b): Irama Gasing yang Hilang</p> <p>Akhirnya mereka sampai ke sebatang pokok di mana tupai itu tinggal. Sekali lagi mereka terpaksa memanjat pokok.</p>

Contoh (16) menunjukkan terjemahan cerita *The Lost Hum* yang dipetik daripada buku *The Greedy Rabbit*. Contoh ini menunjukkan bahawa pohon **oak** yang tidak tumbuh di negara beriklim tropika, seperti Malaysia, diterjemahkan secara umum menjadi pokok sahaja. Nama **oak** telah digugurkan dalam terjemahan. Prosedur ini juga merupakan satu bentuk generalisasi.

## PERBINCANGAN

Dengan berdasarkan analisis terjemahan yang dilakukan dalam kajian ini, didapati bahawa teks terjemahan dihasilkan untuk memenuhi dua kriteria khusus. Pertama, memaparkan latar masyarakat sasaran. Kedua, mematuhi norma atau sensitiviti masyarakat Melayu yang beragama Islam. Bagi kriteria pertama, penterjemah mengadaptasikan latar penceritaan melalui penggantian elemen, seperti nama watak, cuaca, makanan, mitologi, binatang dan tumbuhan, daripada teks sumber dengan maklumat yang mencerminkan suasana di Malaysia. Bagi memenuhi kriteria kedua, penterjemah bukan sekadar mengadaptasikan elemen tabu, seperti menukar penggunaan tabung replika khinzir kepada tabung beruang atau replika kapal mainan yang dikenali sebagai *Noah's Ark* menjadi kapal kayu yang dimiliki oleh watak fiksiyen dalam cerita tersebut, malah turut menggugurkan elemen yang bercanggah dengan kepercayaan dan nilai orang Melayu, seperti cerita yang berkait dengan kepercayaan agama Kristian.

Menerusi penekanan yang dibuat terhadap kepatuhan norma masyarakat Melayu yang berbangsa Islam, jelaslah bahawa pembaca sasaran bagi terjemahan yang dihasilkan ini ialah pembaca kanak-kanak Melayu. Hal ini berbeza daripada prosedur adaptasi dalam terjemahan teks sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu pada era pascakemerdekaan, iaitu antara era 1970-an hingga 1980-an. Terjemahan yang dijalankan pada masa tersebut menumpukan usaha penghasilan teks sastera kanak-kanak yang mencerminkan latar masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum bagi memupuk keharmonian (Zalina Mohd Lazim, 2006).

Walaupun banyak terjemahan sastera kanak-kanak terkini, seperti *Siri Harry Potter* dan siri cerita Disney, cenderung terhadap strategi berorientasikan sumber atas faktor populariti global, ketetapan hak cipta, dan sebagainya, strategi berorientasikan sasaran masih relevan dan digunakan untuk menterjemahkan teks sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Melalui strategi terjemahan berorientasikan sasaran, teks terjemahan yang dihasilkan menjadi lebih dekat dengan pembaca sasaran melalui latar masyarakat, tempat dan budaya yang dikenali dan difahami oleh masyarakat tersebut. Yang paling penting, ibu bapa dan pendidik juga dapat menggunakan buku terjemahan cerita pendek ini untuk bacaan anak tanpa perlu risau tentang kandungan yang bercanggah dengan norma dan nilai masyarakat Melayu.

## KESIMPULAN

Bahasa dan budaya ialah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan itu, terjemahan sebagai suatu proses yang melibatkan pemindahan daripada suatu bahasa kepada bahasa lain juga berkait rapat dengan budaya. Dalam konteks terjemahan, unsur budaya merupakan elemen dalam teks yang mempunyai hubungan secara khusus dengan sesuatu konsep dalam budaya teks sumber yang mungkin bersifat asing bagi pembaca teks sasaran. Hal ini menyebabkan berlakunya jurang antara teks sumber dengan teks sasaran kerana tiada padanan langsung dalam bahasa sasaran bagi elemen budaya. Dalam kes seperti ini, penterjemah perlu memilih antara dua strategi utama, iaitu strategi berorientasikan sumber atau strategi berorientasikan sasaran. Dengan berdasarkan analisis dan dapatan dalam kajian ini, strategi terjemahan berorientasikan sasaran mempunyai kekuatan dan fungsinya yang tersendiri, khususnya dalam konteks penterjemahan teks sastera kanak-kanak.

## **PENGHARGAAN**

Penulisan ini ialah hasil penyelidikan daripada Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia dengan No. Projek: 304/PHUMANITI/6315753. Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Sains Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## **SUMBANGAN PENGARANG**

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab atas keseluruhan penulisan makalah ini.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## **RUJUKAN**

- Adlina Ismail & Normah Yusof (2018). Malaysian children storybooks as ESL reading materials. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 6(3), 68–75.
- Aixela, J. F. (1996). Culture-specific items in translation. Dlm. R. Alvarez & M. C. Vidal (Eds.), *Translation, power, subversion* (52–78). Multilingual Matters.
- Atikah Zabir & Haslina Haroon. (2018). Procedures in the translation of proper names in Harry Potter and the Goblet of Fire into Malay. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(2), 108–123.
- Atikah Zabir & Haslina Haroon. (2020). Trend penterjemahan buku kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu. Dlm. S. G. Goh (Ed.), *Pengajian penterjemahan: Isu dan cabaran* (236–257). Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Atikah Zabir & Haslina Haroon. (2021). From ‘Ratcatraz Prison’ to ‘Penjara Pudutikus’: Lexical creativity in children’s literature and its translation into Malay. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 20–44.
- Bahbibli Rahmatullah, Nurshakila Muhamad Rawai, Suzani Mohamad Samuri & Sopia Md Yassin. (2021). Overview of early childhood care and education in Malaysia. *Hungarian Educational Research Journal*, 11(4), 396–412. DOI: 10.1556/063.2021.00074.
- Batcheler, R. (2023, 13 Mac). *Building awareness of the importance of early brain development*. Royal Foundation Centre for Early Childhood. <https://centreforearlychildhood.org/>
- Chew F. P. & Zahari Ishak. (2010). Malaysian folk literature in early childhood education. *World Academy of Science, Engineering & Technology*, 66, 2148–2156.
- Fernandes, L. (2006). Translation of names in children’s fantasy literature: Bringing the young reader into play. *New Voices in Translation Studies*, 2, 44–57.
- Goldstein, S. (2004). Translating Harry part 1: The language of magic. *Translorial*. <http://translorial.com/2004/12/01/translating-harry-part-i-the-language-of-magic/>.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hermans, T. (1988). On translating proper names, with reference to De Witte and Max Havelaar”. Dlm. M. J. Wintle (Ed.), *Modern Dutch studies. Essays in honour of Professor Peter King on the Occasion of his retirement* (1–24). The Athlone Press.
- Jaleniauskiene, E., & Čičelytė, V. (2009). The strategies for translating proper names in children’s literature. *Studies About Languages*, 15, 31–42.
- Kalb, G., & Van Ours, J. C. (2012). Reading to young children: A head-start in life? *Economics of Education Review, Elsevier*, 40(C), 1–24.
- Lathey, G. (2006). Introduction. Dlm. G. Lathey (Ed.), *The translation of children’s literature*, (1–14). Multilingual Matters.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia*. Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall.
- O’Sullivan, E. (2005). *Comparative children’s literature*. Routledge.
- Rudvin, M., & Orlati, F. (2014). Dual readership and hidden subtexts in children’s literature. Dlm. J. Van Coillie, & W. P. Verschueren (Eds.), *Children’s literature in translation: Challenges and strategies* (157–170). Routledge.
- Sakina Sahuri Suffian Sahuri & Fauziah Taib (2016). The role of translation in education in Malaysia. Dlm. Asmah Haji Omar (Ed.), *Languages in the Malaysian education system* (133–146). Routledge.

- Schleiermacher, F. (2012). On the different methods of translating. Dlm. L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader* (43–63). Routledge.
- Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2007). *The publishing phenomenon of Enid Blyton in Malay language in the 1970s: Socio-cultural context and strategies employed* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. University of Manchester.
- Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2010). Judging a book by its cover: Paratextual device employed in Blyton's books in Malay. *International Conference on Translation and Multiculturalism*, Universiti Malaya Kuala Lumpur. <http://english.um.edu.my/anuvaada/PAPERS/SHARIFAH.pdf>
- Thomson-Wohlgeuth, G. (1998). *Children's literature and its translation: An overview* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. University of Surrey, England.
- Toury, G. (1995). *Descriptive translation studies and beyond*. John Benjamins.
- Toury, G. (2012). *Descriptive translation studies and beyond*. John Benjamins.
- Venuti, L. (1995). *The translator's invisibility: A history of translation*. Routledge.
- Venuti, L. (2008). *The translator's invisibility: A history of translation* (2nd ed.).
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1958). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation*. John Benjamins.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation*. John Benjamins.
- Zalina Mohd Lazim. (2006). Adapting culture in the translations of children's literature books. Dlm. S. Pillai & V. Sriadulpan (Eds.), *Writing the past into the present: Reflections of 35 years of scholarship in language and literary studies* (343–354). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zohar, S. (2006). Translation of children's literature. Dlm. G. Lathey (Ed.), *The translation of children's literature* (25–40). Multilingual Matters.